

14 APR 2001

Mahathir-Perhimpunan

PERHIMPUNAN GAGAL KERANA TIDAK ADA PENGHASUT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perhimpunan haram "Black 14" gagal mencapai sasaran penyertaan 50,000 orang kerana tidak lagi terdapat pihak yang menghasut.

Perdana Menteri berkata jika tiada penghasut, rakyat Malaysia tidak akan terlibat dalam perhimpunan sedemikian kerana mereka selesa dengan kehidupan aman damai.

"Saya fikir kerana mereka tidak mempunyai pemimpin yang menghasut...pemimpin mereka sudah ditahan oleh pihak polis," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka sempena perayaan Vasakhi yang disambut oleh kaum Sikh, di Kelab Aman di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai kegagalan apa yang dipanggil perhimpunan Black 14 yang dirancang hari ini di depan pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) di Jalan Raja Laut di sini.

Beliau berkata tindakan kerajaan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan beberapa pemimpin atau individu yang menghasut rakyat untuk bertindak di luar landasan undang-undang nampaknya berkesan.

Tujuh individu termasuk Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohd Noor dan Naib Presidennya Tian Chua ditahan di bawah ISA beberapa hari lalu kerana dipercayai merancang untuk mengadakan demonstrasi jalanan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

"Sebab itulah polis mengambil tindakan itu kerana orang ini nak tunjuk perasaan, ada pihak yang hasut bahkan ada pihak yang upah pun. Jadi ini yang menyebabkan mereka buat benda-benda yang tidak baik," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat maklumat bahawa terdapat pihak-pihak tertentu pergi ke Indonesia dan memberitahu orang di sana bahawa satu tunjuk perasaan ala Indonesia akan dilakukan di negara ini.

"Dia (pihak penganjur) cadang adakan perjumpaan 50,000 orang dan kita dapat tahu mereka memberitahu orang tertentu mereka ingin adakannya ala Indonesia iaitu dengan (cara) mengganas. Tapi (ini) tidak berlaku," katanya.

Rumah terbuka Vasakhi itu dianjurkan oleh National Sikh Organisations of Malaysia Coordinating Council.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kerajaan bersedia menimbang cadangan menjadikan hari perayaan Vasakhi sebagai cuti umum.

Bagaimanapun, jika ini tidak menjadi kenyataan, kerajaan tidak mahu kaum minoriti menganggap bahawa ia tidak prihatin terhadap mereka, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata cuti umum di negara ini terhad kepada 16 hari sahaja.

"Kalau nak beri cuti pada hari Vasakhi, kita kena cari hari lain (hari cuti umum yang lain) untuk dikorbankan," katanya secara berseloroh.

Ketika ditanya pemberita kemudian Dr Mahathir berkata: "Kita tak tahulah (sama ada untuk menjadikan hari Vasakhi hari cuti umum) sebab kita ada limit public holiday.

"Ada negeri yang beri (cuti) lebih banyak dalam perkara lain. Kita tengok sama ada boleh atau tidak boleh," kata Dr Mahathir.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

MS MAM FAZ